



20 JAN, 2025

Peningkatan permintaan pacu pertumbuhan sektor utiliti

Utusan Malaysia, Malaysia



Peningkatan permintaan pacu pertumbuhan sektor utiliti

PETALING JAYA: Hong Leong Investment Bank (HLIB) menjangkakan sektor utiliti terus berkembang maju pada tahun ini disokong peningkatan permintaan seiring perkembangan ekonomi negara.

Bank pelaburan berkata, YTL Power International Bhd. dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) merupakan syarikat di bawah liputannya yang mencatatkan keuntungan.

"Sektor itu mendapat manfaat apabila rangka kerja Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) asas aset terkawal (RAB) kekal utuh.

"Sektor itu juga akan memanfaatkan pembangunan pusat data, pelancaran tenaga boleh diperbaharui (RE) dan perbelanjaan modal TNB, dengan kitaran perbelanjaan modal (capex) baharu yang diluluskan sehingga RM42.8 bilion di bawah tempoh kawal selia keempat (RP4).

"ICPT merupakan mekanisme di bawah rangka kerja Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) yang diluluskan oleh kerajaan dan dilaksanakan sejak 1 Januari 2014 membolehkan TNB, sebagai utiliti, mencerminkan per-

"SEKTOR ITU MENDAPAT MANFAAT APABILA RANGKA KERJA PELEPASAN KOS TIDAK BERIMBANG (ICPT) ASAS ASET TERKAWAL (RAB) KEKAL UTUH."

bahan dalam bahan api dan kos berkaitan penjanaan lain dalam tarif elektrik," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Jelasnya, pelaksanaan ICPT, yang berlaku setiap enam bulan akan mencerminkan kos sebenar dalam tarif dalam bentuk sama ada rebat atau surcuj.

"Tambahan pula, kesan pelaksanaan ICPT adalah neutral terhadap TNB dan tidak akan memberi kesan kepada operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya," katanya.

HLIB Research berkata, penstabilan harga bahan api komoditi telah meningkatkan kebolehlaksanaan pendapatan bagi



SEKTOR utiliti akan memanfaatkan pembangunan pusat data, pelancaran tenaga boleh diperbaharui (RE) dan perbelanjaan modal TNB.

sektor itu.

Firma penyelidikan itu mengekalkan saranan 'beli' untuk YTL Power International dengan harga sasaran (TP) RM7 se-saham.

"Hal ini kerana kami percaya

penilaiannya kekal tidak menurun berbanding rakan setaranya dengan pertumbuhan pendapatan berterusan melalui pusat data dan infrastruktur awan kecerdasan buatan (AI) (disokong oleh Nvidia Corp), serta metrik yang

menguntungkan untuk Wessex Water baharu RP2025-2030.

"Kami yakin dengan kepercayaan YTL Power International untuk melancarkan pusat data AI dalam tempoh masa yang dijadualkan," katanya.